



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
(SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

(Diperbadankan di bawah Akta Parlimen No. 784 Tahun 1968 (disemak-2016) / Law of Malaysia Act 784 1968 (revised-2016))

Ruj.Kami : PPM-48/(075)/2019
Tarikh : 20 Mac 2019

Semua Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan,

**MAKLUMAN PERUBAHAN TEMPAT PROGRAM KEM PENDIDIKAN MARIN
PENGAKAP LAUT PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KELAPAN**

Dengan segala hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia melalui Sekretariat Pengakap Laut Kebangsaan dengan kerjasama Bahagian Taman Laut, Jabatan Perikanan Malaysia akan menganjurkan program Kem Pendidikan Marin Pengakap Laut Peringkat Kebangsaan Kali Kelapan 2019. Merujuk kepada surat rujukan: PPM-48 (036)/2019 bertarikh 19 Februari 2019, tempat yang ditetapkan adalah di Taman Laut Pulau Tioman, Rompin, Pahang. Namun disebabkan kemarau melanda di pulau tersebut, maka Bahagian Taman Laut, Jabatan Perikanan Malaysia mencadangkan perubahan tempat seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 12 hingga 14 April 2018
Tempat : Pusat Taman Laut Pulau Tinggi, Mersing,
Johor

2. Sehubungan dengan itu, PPM memohon YBhg. Dato'/Datuk/Tuan memanjangkan makluman perubahan ini kepada ahli Pengakap Muda Laut yang akan menyertai kem ini.

Segala kerjasama, perhatian dan sokongan dari YBhg. Dato'/Datuk/Tuan dalam kelancaran program yang telah dirancangkan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN"

Yang menjalankan tugas
Persekutuan Pengakap Malaysia,

DATO' RAJA RUSLAN BIN RAJA SAMAH
Ketua Pegawai Eksekutif

s.k. Tan Sri Dato' Seri Paduka Ketua Pengakap Negara
Dato' Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Pesuruhjaya Program Negara
Pesuruhjaya Kebangsaan – Pengakap Laut
Setiausaha Eksekutif Latihan & Program, PPM
Sekretariat Pengakap Laut Kebangsaan
Pen. Setiausaha Eksekutif Program, PPM
Fail